


Wood Guidance

Pelan Saham Kakitangan

Panduan Cukai – Warga Kerja Malaysia



Wood Guidance Panduan Cukai – Warga Kerja Malaysia

Maklumat in disediakan sebagai panduan sahaja dan mungkin berbeza mengikut situasi anda. Bahagian "Cukai pendapatan dan Keselamatan Sosial bagi kakitangan yang tidak bekerja secara tetap di satu negara" menggariskan pengenaan cukai bagi saham anda jika anda bekerja di luar Malaysia – bagi tujuan ini, diandaikan bahawa anda ialah pembayar cukai di negara tempat anda bekerja pada masa yang berkenaan.

Ini bukanlah rujukan cukai yang khusus untuk situasi anda. Jika anda memerlukan pengesahan tentang status cukai perseorangan anda, sila hubungi penasihat cukai profesional.

Maklumat ini adalah benar pada 27 November 2018. Sebarang perubahan pada masa akan datang kepada undang-undang atau kadar cukai mungkin mempengaruhi maklumat ini.

Cukai pendapatan dan keselamatan sosial

Adakah saya perlu membayar cukai pendapatan atau keselamatan sosial untuk Saham saya?

Jadual di bawah menunjukkan had yang dikenakan cukai dan amaun boleh cukai bagi saham yang diterima di bawah Pelan ini:

Cukai pendapatan dan Keselamatan Sosial		
	Had cukai dikenakan	Amaun boleh cukai
Saham Dibeli	Tiada cukai pendapatan atau keselamatan sosial dikenakan	T/B
Saham Padanan	Cukai pendapatan akan dikenakan apabila Saham Padanan dimasukkan ke dalam akaun pegangan peribadi anda selepas tamat Tempoh Pegangan. Ini dikenali sebagai Tarikh Penyerahan. Tiada bayaran keselamatan sosial dikenakan.	Amaun yang dikenakan cukai pendapatan ialah nilai pasaran bagi saham tersebut pada tarikh penyerahan. Tiada bayaran keselamatan sosial dikenakan.

Bagaimanakah cara membayar cukai pendapatan dan keselamatan sosial untuk saham saya?

Majikan anda akan menahan cukai pendapatan perlu bayar bagi Saham Padanan.

Cukai Pendapatan dan Keselamatan Sosial bagi kakitangan yang tidak bekerja secara tetap di satu negara

Adakah saya perlu membayar cukai pendapatan atau keselamatan sosial untuk Saham saya sekiranya saya bekerja di Malaysia hanya untuk sebahagian daripada Tempoh Pegangan saya?

Pengenaan cukai bagi Saham Belian dan Saham Dividen biasanya sama seperti yang dinyatakan di atas.

Bagi Saham Padanan, jika anda bekerja untuk sejumlah hari di Malaysia semasa Tempoh Pegangan, amaun yang dikenakan cukai pendapatan ialah nilai pasaran bagi saham tersebut pada Tarikh Penyerahan yang kemudiannya dibahagikan mengikut hari bekerja di Malaysia (termasuk hari cuti kecuali cuti umum Kebangsaan dan Negeri dan hujung minggu) semasa Tempoh Pegangan.

Bagaimanakah cara membayar cukai pendapatan dan keselamatan sosial untuk saham saya?

Majikan anda akan menanggungkan cukai pendapatan perlu bayar bagi Saham Padanan.

Wood Guidance Panduan Cukai – Warga Kerja Malaysia

Penjualan saham

Adakah saya akan dikenakan cukai tambahan apabila saya menjual Saham saya?

Anda tidak akan dikenakan cukai tambahan apabila anda menjual Saham anda.

Pelaporan

Adakah keperluan pelaporan diwajibkan ke atas saya?

Ya, anda mesti memfailkan penyata cukai pendapatan perseorangan di Malaysia sebelum atau pada 30 April selepas akhir tahun cukai yang anda menerima Saham Padanan anda.

Wood Guidance Panduan Cukai – Warga Kerja Malaysia

Lampiran – ringkasan kadar cukai berkaitan

Lampiran ini menyenaraikan kadar cukai berkaitan di Malaysia bagi tahun cukai berakhir 31 Disember 2018.

Cukai pendapatan		
	Kadar cukai berkesan maksimum	Nota
Cukai pendapatan	28%	Kadar maksimum dikenakan terhadap pendapatan melebihi RM 1,000,000

Cukai sosial		
	Employee	Nota
Keselamatan	T/B	Tiada keselamatan social perlu dibayar

Dividend an cukai laba modal		
	Kadar cukai berkesan maksimum	Nota
Dividen	T/B	Dividen yang diterima dikecualikan daripada cukai pendapatan
Cukai laba modal	T/B	Tiada cukai laba modal dikenakan.